

29/10/1998

Pemuda bidas media asing

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno hari ini membidas sikap media asing yang tidak menyiarkan peristiwa sebenar mengenai keganasan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merusuh di Kampung Baru, Sabtu lalu.

Serentak itu, Pemangku Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, meminta rakyat negara ini menolak laporan media asing, jika mereka terus memutar belitkan laporan mengenai kejadian itu.

"Media asing tidak lagi menyiarkan berita untuk pengetahuan umum, tetapi lebih kepada mempengaruhi penonton untuk matlamat peribadi mereka," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno juga kesal sikap 'double standard' media asing yang tidak henti-henti menimbulkan salah faham kepada masyarakat antarabangsa mengenai keadaan di negara ini.

Berikutan itu, beliau meminta media asing lebih bersikap profesional jika mereka mahukan badan penyiaran berkenaan dihormati.

Dalam kejadian Sabtu lalu, polis terpaksa bertindak tegas untuk menyuraikan tunjuk perasaan oleh penyokong Anwar yang bertukar ganas hingga mencederakan dua anggota polis.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak dakwaan polis melakukan provokasi untuk membangkitkan kemarahan penunjuk perasaan sehingga menyebabkan mereka bertindak ganas.

Sambil menyifatkan dakwaan itu tidak berasas, Perdana Menteri dilaporkan berkata penunjuk perasaan melakukan provokasi kerana membawa bersama petrol, bom api (molotov cocktail), batu dan objek tajam.

Hishammuddin berkata, rakyat perlu menolak media asing yang terus memburukkan Malaysia kerana rakyatlah yang akan mempertahankan maruah negara.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Afdal, meminta rakyat menolak gerakan reformasi walaupun berdaftar sebagai parti politik kerana tindakan mereka boleh mengugat keharmonian dan kestabilan politik.

Beliau berkata, rakyat tidak akan mudah terpengaruh dengan kumpulan yang cuba menghancurkan keharmonian negara dengan menggunakan pengaruh kuasa luar.

"Mereka mungkin menggabungkan tenaga dengan bantuan daripada luar. Ini seharusnya ditolak oleh rakyat daripada semua lapisan masyarakat kerana sudah pasti tindakan itu merosakkan negara," katanya.

Beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, kenyataan Presiden Filipina, Joseph Estrada, jelas membuktikan ada cubaan campur tangan daripada luar.

(END)